

INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



VARIASI AMALAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN SIMPULAN BAHASA MURID SEKOLAH RENDAH

DIVERSITY OF ENTERTAINING EDUCATIONAL PRACTICES IN TEACHING LANGUAGE IDIOMS TO PRIMARY SCHOOL STUDENTS

Norhafidah Hanapiah^{1*}, Nur Farakhanna Mohd Rusli^{2*}

¹ Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Sin, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia
Email: norhafidahhanapiah@gmail.com

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: farakhanna@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.07.2025

Revised date: 06.08.2025

Accepted date: 29.09.2025

Published date: 15.10.2025

To cite this document:

Hanapiah, N., & Rusli, N. F. M. (2025). Variasi Amalan Didik Hibur Dalam Pengajaran Simpulan Bahasa Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 492-512.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060035

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan menghuraikan variasi amalan didik hiburan dalam pengajaran simpulan bahasa murid sekolah rendah. Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang menerapkan kaedah kualitatif. Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Instrumen yang digunakan terdiri daripada alat perakam audio digital model Sony X240 dan model Philips. Responden kajian ini melibatkan seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu dan 12 orang murid tahun lima di sebuah sekolah rendah di daerah Kuala Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa guru telah menggunakan pendekatan didik hiburan secara nyanyian, lakonan dan puisi untuk menjelaskan bentuk dan maksud simpulan bahasa kepada murid sekolah rendah. Kaedah yang digunakan ini juga dilihat telah dapat menarik minat murid terhadap sesi pengajaran yang dijalankan. Dari segi implikasi, pendekatan didik hiburan merupakan antara pendekatan yang sesuai untuk menyampaikan pengajaran tentang topik simpulan bahasa yang mengutamakan pengajaran menyeronokkan dan penglibatan murid secara aktif terhadap aktiviti yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Kata Kunci:

Variasi, Didik Hibur, Pengajaran, Simpulan Bahasa, Murid, Sekolah Rendah

Abstract:

This study aims to describe the diversity of entertaining educational practices in teaching language idioms to primary school students. This study is a case

study that applies qualitative methods. Research data is obtained through library and observation methods. The instrument used consists of a Sony X240 digital audio recorder and a Philips model. The respondents of this study involved a Malay subject teacher and 12 fifth year students in a primary school in the Kuala Selangor district. The results of the study found that teachers have used the approach of teaching entertainment through singing, acting and poetry to explain the form and meaning of idioms to primary school students. The method used is also seen to have been able to attract students' interest in the teaching session. In terms of implications, the didik hibur approach is one of the appropriate approaches to deliver lessons on idiom topics that prioritize fun teaching and active student involvement in the activities carried out in the classroom.

Keywords:

Variation, Entertainment Education, Teaching, Idioms, Students, Primary School

Pendahuluan


Sesi pengajaran ialah proses memindahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada guru kepada murid atau kelompok murid yang mengikuti sesuatu pembelajaran (Jahidih Saili, 2015). Guru perlu menguasai pedagogi terutamanya pedagogi pengetahuan kandungan kerana aspek tersebut memainkan peranan penting dalam menentukan strategi, kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran guru di bilik darjah. Menurut Nor Amalina Ab Hakim dan Zanaton Iksan (2019), pemilihan pendekatan pengajaran akan menentukan tahap pencapaian kualiti pengajaran seorang guru. Menjadi tanggungjawab guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dengan mengaplikasikan pendekatan pengajaran terkini walaupun perkara ini dilihat mencabar kompetensi diri guru tersebut. Namun, usaha meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pastinya menjadi sukar jika seorang guru itu tidak bersedia dan bersikap sambil lewa terhadap proses pengajaran yang dilaksanakan di bilik darjah.

Mutakhir ini, pendidikan negara telah mengalami perubahan hasil proses semakan kurikulum oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Semakan kurikulum pendidikan negara Malaysia pada tahun 2003 telah melahirkan pembentukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan bermula tahun 2011 di sekolah rendah manakala, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula diguna pakai secara berperingkat bermula pada tahun 2014. Kedua-dua semakan kurikulum ini termaktub di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013 – 2025. Melalui pelan pendidikan ini, guru digalakkan mencuba pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik untuk memantapkan penyampaian ilmu pengetahuan.

Pendekatan didik hibur dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dari tahun satu hingga tahun enam sebagai pendekatan ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang mengutamakan situasi pembelajaran menyeronokkan secara terancang. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggalakkan para guru mengaplikasikan pendekatan didik hibur ketika mengajar mata pelajaran bahasa Melayu yang merangkumi aktiviti seperti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi. Pendekatan didik hibur dilaksanakan secara merentas kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca,

kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Terdapat beberapa ciri yang perlu diambil kira untuk melaksanakan pendekatan didik hibur. Ciri-ciri ini membantu guru menyediakan satu set pengajaran secara terancang, teliti dan boleh menghasilkan kepuasan terhadap diri sendiri serta murid. Sesi pengajaran di bilik darjah bukan hanya untuk mencipta suasana gembira, seronok dan berunsurkan kelucuan tetapi yang lebih penting adalah berkaitan penguasaan murid terhadap topik yang diajar. Berikut merupakan ciri-ciri pelaksanaan didik hibur:




Rajah 1. Ciri-ciri Didik Hibur

(Sumber: Indrawati dan Wanwan Setiawan, 2009)

Rajah 1 menjelaskan tentang ciri-ciri didik hibur yang perlu dititikberatkan supaya setiap aktiviti yang dirancang mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Pendekatan didik hibur dianggap berjaya jika guru mampu merancang, mengelola, menyampaikan, membimbing dan seterusnya memberi penilaian positif dengan tujuan murid dapat menguasai topik yang diajar. Situasi santai dan aman wujud apabila aktiviti yang dirancang dapat dijayakan murid dengan pengawalan yang baik. Malah, aktiviti yang dirancang dan tersusun rapi mampu menarik perhatian, menjadikan murid bersemangat dan dapat memberi sepenuh tumpuan untuk belajar.

Seterusnya, peribahasa merupakan karya kreatif hasil buah fikir masyarakat terdahulu (Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Muhammad Zaid Daud (2020) menyatakan bahawa peribahasa dijadikan alat oleh masyarakat Melayu untuk memberi teguran, menyampaikan hasrat hati, menegur tingkah laku tidak sopan dan sebagainya secara kiasan. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu, (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017) peribahasa terbahagi kepada enam kategori iaitu:



Rajah 2. Kategori peribahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Mohd Norizam Jaminan (2012) mendefinisikan simpulan bahasa sebagai kata-kata ringkas atau rangkaian yang mempunyai maksud tertentu. Simpulan bahasa dikategorikan sebagai ungkapan yang mantap, memiliki makna yang tersendiri serta mempunyai pengertian yang berbeza daripada perkataan yang membinanya. Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman dan Husna Faredza Mohamed Redzwan (2021) menyatakan simpulan bahasa sebagai medium berbahasa yang santun untuk menjaga perasaan orang lain. Pemilihan simpulan bahasa dilakukan kerana kategori ini diajar kepada murid tahun lima sekolah rendah seperti yang terdapat dalam buku teks bahasa Melayu tahun lima sekolah kebangsaan.

Permasalahan Kajian

Kemajuan teknologi masa kini telah menyebabkan pengajaran secara konvensional di bilik darjah kurang sesuai untuk dipraktikkan oleh guru ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Mohd Rosmadi dan Hafizhah Zulkifli, 2020). Strategi pengajaran tradisional turut mengundang punca kelemahan penguasaan akademik dalam kalangan murid dan menimbulkan risiko murid kurang motivasi terhadap aktiviti pembelajaran (Zaidatol Akmaliah, 2005). Tambahan pula, pengajaran berpusatkan guru menyebabkan murid hanya menerima maklumat secara pasif dan hal ini menambah kerumitan untuk mencapai objektif pengajaran yang diharapkan. Oleh yang demikian, pentingnya penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan agar seiring dengan perkembangan semasa dan perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan (Khor, Huan Chin dan Noraini Mohamed Noh, 2016).

Selain itu, terdapat guru bahasa Melayu yang gemar mengajar menggunakan buku teks, nota tambahan dan menulis di papan putih ketika pengajaran dilaksanakan (Rozita Radhiah, Abdul Rasid Jamian dan Azhar Md Sabil, 2016). Hal ini menjadikan pendekatan pengajaran guru masih ditahap lama, iaitu menggunakan bahan bantu mengajar sedia ada yang minima, iaitu buku teks serta papan putih. Situasi sebegini tidak banyak membantu motivasi murid untuk fokus kepada isi pelajaran dan seterusnya menguasai topik yang dipelajari. Malah, kaedah

konvensional dilihat memberi kegagalan untuk pengajaran yang berkesan kepada murid (Junaidah Jamaluddin, Norlailan Mohd Din, Mohamad Azmi Nias Ahmad, Faizan Abdul Jabar, Nur Syazwani Mohamad Fadzillah dan Zuhariah Husin, 2016).

Kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati penguasaan murid terhadap pengetahuan, pemahaman dan penggunaan peribahasa dalam kemahiran lisan dan kemahiran menulis berada di tahap yang sederhana, tetapi masih boleh diperbaiki jika guru menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian. Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid bermula daripada perancangan dan pelaksanaan pengajaran yang teliti dan menarik di bilik darjah. Menurut Mohd Ridzuan Md Nasir (2018), pengajaran dan pembelajaran peribahasa akan menjadi lebih mudah dikuasai dan difahami apabila murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan, manakala guru pula bertindak sebagai pemudahcara yang menggerakkan aktiviti pembelajaran. Namun begitu, penggunaan kaedah konvensional seperti mengajar peribahasa dari sudut makna sahaja pasti tidak membantu membina pengetahuan murid secara lebih mendalam dan menyeluruh (Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet, 2019).

Menghafal peribahasa berserta maknanya secara harfiah tidak seharusnya dijadikan tabiat yang berterusan. Murid patut diberikan bimbingan, panduan dan sokongan supaya mereka dapat meneroka makna peribahasa secara kontekstual. Kajian Zanariah Abdol (2016) menunjukkan wujudnya masalah dalam kalangan murid untuk menggunakan peribahasa yang bersesuaian mengikut konteks contohnya ketika menjawab soalan peperiksaan PT3 atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Murid menjadi pasif serta terbit jurang komunikasi antara guru dan murid kerana kaedah pengajaran berbentuk satu hala serta berpusatkan guru semata-mata (Arni Johan, 2012). Tambahan lagi, masalah timbul disebabkan murid tidak berupaya menguasai makna yang tersirat peribahasa kerana sekadar membaca makna peribahasa pada buku atau kamus tanpa memahami maksud yang hendak disampaikan.

Selain itu, kaedah hafalan sukar dilakukan oleh murid (Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin, Siti Nur Kamariah Rubani dan Tamil Selvan Subramaniam, 2018). Pengajaran peribahasa berdasarkan kaedah hafalan hanya akan membentuk murid yang banyak menghafal rumus demi mencapai markah yang baik dalam ujian atau peperiksaan berbanding menghayati unsur seni dan ketinggian nilai dalam peribahasa itu sendiri. Seharusnya guru menggunakan bahan sokongan untuk mengajar seperti tayangan video, aplikasi kuiz dan sebagainya. Seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Aiman Syazwan Ahmadi et al. (2024), murid-murid akan berasa bosan jika kaedah PdP konvensional masih digunakan dan keadaan ini memerlukan menambah baik aktiviti pengajaran dengan mengintegrasikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Jelaslah bahawa, kajian pendekatan didik hibur yang digunakan guru untuk meningkatkan penguasaan peribahasa khususnya simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah wajar dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana segala perincian dapatan kajian berkaitan kepentingan amalan didik hibur boleh dikongsikan kepada guru mata pelajaran bahasa Melayu untuk penambaan bagi pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa di bilik darjah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut, iaitu:

- i. Menghuraikan variasi amalan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa murid sekolah rendah.

Sorotan Kajian

Kemajuan bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mencipta pelbagai jenis aplikasi yang boleh diimplementasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti penggunaan papan putih pintar, tayangan slide powerpoint, aplikasi membina soalan kuiz, saluran tayangan video dalam talian (YouTube) dan sebagainya. Antara kajian yang menggunakan teknologi maklumat ialah Syairah Nur' Amirah Zaid dan Muhammad Asyraf Khalid (2021) dalam kajian yang bertajuk "Proses Pembelajaran Aktif dalam Permainan Escape Room Untuk Meningkatkan Penguasaan Peribahasa". Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran peribahasa menerusi proses pembelajaran aktif yang diterapkan dalam bentuk permainan "Escape Room" dan meninjau keberkesanan penggunaan pedagogi gamifikasi dalam memupuk minat dan mengasah kemahiran berfikir murid. Seramai 71 orang murid sekolah menengah terlibat sebagai sampel kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa usaha yang dijalankan berupaya untuk memupuk minat dan membangkitkan keseronokan dalam pembelajaran. Pendekatan permainan "Escape Room" juga berjaya meningkatkan motivasi intrinsik dalam kalangan murid untuk memperkasakan pengetahuan tentang peribahasa.

Seterusnya, Norlizah Ali dan Norliza Sukri (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Penggunaan Portal SLS dalam Meningkatkan Pembelajaran Peribahasa". Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan pengajaran peribahasa dengan menggunakan ICT dan pengajaran peribahasa dalam suasana menyeronokkan bagi meningkatkan penglibatan penuh setiap murid. Kajian ini melibatkan seramai 15 orang murid Sekolah Rendah Woodlands Ring Singapura. Murid melalui pengajaran guru di bilik darjah dengan menggunakan Nearpod melalui iPad. Strategi pengajaran yang digunakan adalah pengajaran secara eksplisit iaitu murid terlebih dahulu didedahkan dengan pembelajaran menggunakan contoh dan visual diikuti dengan aktiviti penyoalan berbentuk kuiz di bilik darjah. Di sinilah penggunaan Nearpod dalam setiap iPad telah diberikan kepada murid bagi tujuan rangsangan pembelajaran. Aplikasi Nearpod mengandungi kuiz, Open-ended, Draw It, Matching Pairs yang membantu merangsang fikiran murid untuk mempelajari peribahasa melalui pelbagai pilihan saluran pengetahuan. Di akhir kajian, didapati murid dapat mempelajari peribahasa secara berkesan sekali gus membuktikan penggunaan ICT meningkatkan penguasaan peribahasa murid-murid.

Selain itu, Abdul Hadi Bakar dan Zamree Mustapha (2020) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Penggunaan Aplikasi Kahoot dalam Meningkatkan Pembelajaran Peribahasa". Seramai 12 orang murid dilibatkan sebagai subjek kajian. Dapatan kajian menunjukkan minat murid mempelajari peribahasa terserlah apabila hampir semua murid berjaya menjawab dengan betul kuiz yang disediakan dalam aplikasi Kahoot. Murid menjadi aktif mempelajari peribahasa berbanding pembelajaran menggunakan pen dan kertas sahaja. Jika kajian ini menggunakan pengajaran secara aplikasi Kahoot, maka kajian pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa terhadap murid sekolah rendah yang akan dijalankan pula akan melibatkan aktiviti didik hibur secara nyanyian, lakonan, bercerita sebagai satu bentuk usaha guru memperkenalkan, memberi penjelasan dan meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah kebangsaan.

Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk "Melestarikan Peribahasa Sebagai Warisan Bangsa Melalui Pendekatan Alternatif dalam Pendidikan Bahasa Melayu". Objektif kajian ini adalah untuk mereka dan memperkenalkan PISATUM bagi membantu murid menguasai peribahasa, menilai keberkesanan kaedah PISATUM, dan mencadangkan PISATUM sebagai kaedah alternatif

untuk murid menguasai peribahasa. Hasil kajian mendapati berlaku peningkatan penguasaan peribahasa dan makna dalam kalangan murid melalui pendekatan PISATUM yang berupa permainan kad imbas berkonsepkan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Pengkaji turut mencadangkan supaya guru-guru menggunakan pendekatan PISATUM untuk mengajar topik peribahasa sebagai pendekatan alternatif untuk menarik minat murid terhadap pengajaran peribahasa.

Pada dasarnya, telah banyak kajian lepas yang telah membincangkan tentang peribahasa. Hasil kajian lepas juga telah berjaya mengetengahkan pelbagai jenis model dan pendekatan yang boleh diaplikasikan dalam teknik didik hibur. Semua kajian tersebut memberi sumbangan ilmu pengetahuan dan gambaran tentang kajian-kajian peribahasa yang pernah dilakukan. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan peribahasa boleh dipelbagaikan lagi dengan meneliti dari aspek lain pula. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti pendekatan didik hibur yang didasari aktiviti nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi dalam pengajaran peribahasa dengan berfokus kepada aspek simpulan bahasa pula.

Metodologi

Pelaksanaan kajian pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa sekolah rendah ini adalah dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kajian kualitatif ialah pendekatan semula jadi untuk mendapatkan kefahaman tentang fenomena atau keadaan sebenar (Norfishah Mat Rabi, 2020). Reka bentuk penyelidikan jenis kajian kes pula telah dipilih untuk penyelidikan ini bertujuan meneliti secara spesifik penggunaan didik hibur dalam pengajaran simpulan bahasa terhadap responden yang dipilih. Hal ini sejajar dengan pandangan Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi dan Muhammad Azhar Zailani (2016) bahawa pelaksanaan kajian kes adalah sesuai untuk kajian jenis intensif terhadap unit-unit kecil sosial bagi mengkaji fenomena secara khusus.

Terdapat dua kaedah kajian yang dilaksanakan bagi menjalankan kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Bagi kaedah kepustakaan, carian maklumat berkaitan kajian pendekatan didik hibur, peribahasa dan simpulan bahasa telah dilakukan melalui pembacaan bahan bercetak seperti surat khabar, jurnal, kamus, buku, modul pengajaran dan pembelajaran, tesis dan dokumen yang sesuai dengan kehendak kajian. Proses ini dilakukan bagi mendapatkan gambaran awal yang dijadikan asas dorongan untuk membina objektif kajian, soalan kajian dan pernyataan masalah.

Bagi kaedah pemerhatian pula, pemerhatian tidak turut serta dipilih sebagai cara memperoleh data. Pengkaji menjadi pemerhati pasif untuk mengelakkan responden berasa terganggu, kurang selesa dan tidak mengganggu aktiviti yang dilaksanakan di bilik darjah. Pengkaji membuat rakaman audio terhadap proses pengajaran. Proses yang dilakukan ini membolehkan pengkaji mendapatkan dialog pengajaran untuk mengenal pasti pendekatan didik hibur yang digunakan ketika mengajar peribahasa. Memandangkan peraturan yang disyaratkan oleh Bahagian Dasar Dan Penyelidikan (BDDP), Kementerian Pendidikan Malaysia (2021) yang tidak membenarkan keberadaan pengkaji di bilik darjah secara langsung, maka pengkaji merakam audio untuk mendapatkan gambaran pengajaran guru dengan menggunakan alat perakam suara model Sony X240 dan Philips Recoder Tape. Data yang diperoleh daripada alat perakam audio akan diproses dan ditranskripsikan bagi mengenal pasti aktiviti pendekatan didik hibur yang digunakan guru ketika mengajar topik simpulan bahasa.

Responden kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan dilaksanakan dengan memilih seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu murid tahun lima. Selain itu, seramai 12 orang murid tahun lima dilibatkan sebagai responden daripada sebuah kelas. Semua responden dipilih berdasarkan persetujuan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran. Sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian merupakan sebuah sekolah kebangsaan kategori bandar dan terletak dalam daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. Sekolah yang dipilih mempunyai jaringan kemudahan fasiliti yang baik khususnya jaringan internet yang memudahkan aktiviti didik hibur dilaksanakan sepanjang kajian dijalankan.

Dari segi pengumpulan data, pengkaji telah merangka pernyataan masalah, objektif kajian dan pemilihan reka bentuk kajian sebagai asas pegangan pelaksanaan kajian. Berikutnya, pengkaji mendapatkan kelulusan dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor dan pentadbir sekolah untuk melaksanakan kutipan data. Seterusnya, pengumpulan data secara kepustakaan dilakukan dengan meneliti bahan bertulis yang berkaitan dengan kajian. Kemudian, kaedah pemerhatian secara tidak turut serta melalui rakaman audio sesi pengajaran di bilik darjah dilaksanakan untuk mengenal pasti variasi didik hibur yang berlaku ketika proses PdP.

Dari segi penganalisan data, proses ulang dengar rakaman telah dilakukan. Kemudian, proses transkripsi terhadap keseluruhan rakaman audio kepada bentuk teks diteruskan, iaitu dengan menaip semula semua perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat yang telah dirakam. Setiap pendekatan didik hibur yang ditemui dalam transkripsi akan diuraikan berdasarkan empat tema iaitu nyanyian, lakonan, bercerita dan puisi bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan.

Variasi Amalan Didik Hibur dalam Pengajaran Simpulan Bahasa Murid Sekolah Rendah

Hasil pemerhatian dan rakaman audio mendapati terdapat tiga aktiviti didik hibur yang digunakan guru untuk mengajar topik simpulan bahasa. Tiga aktiviti tersebut terdiri daripada nyanyian, lakonan dan puisi secara pantun. Berikut diuraikan secara terperinci pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti pendekatan didik hibur oleh responden:

Aktiviti Nyanyian

Hasil pemerhatian yang dilakukan terhadap rakaman audio mendapati bahawa responden menggunakan pendekatan didik hibur melalui aktiviti nyanyian pada setiap proses pengajaran simpulan bahasa di bilik darjah. Sebanyak empat sesi pengajaran topik simpulan bahasa telah dilaksanakan responden di bilik darjah. Jadual berikut merupakan sesi pengajaran simpulan bahasa yang telah dilaksanakan dengan mengaplikasikan pendekatan didik hibur dan dirakam secara audio sahaja:

Jadual 1. Sesi Pengajaran Topik Simpulan Bahasa yang dilaksanakan di Bilik Darjah

Sesi	Tarikh	Hari	Masa Pengajaran
1	20 Januari 2022	Khamis	8.30 – 9.30 pagi
2	27 Januari 2022	Khamis	8.30 – 9.30 pagi
3	03 Febuari 2022	Khamis	8.30 – 9.30 pagi
4	10 Febuari 2022	Khamis	8.30 – 9.30 pagi

Aktiviti nyanyian berlaku pada set induksi pengajaran dengan tujuan memperkenalkan tajuk pelajaran. Responden memasang satu rakaman lagu menggunakan telefon bimbit dan pembesar suara yang mengandungi nyanyian menggunakan suaranya sendiri. Lirik lagu tersebut dinyanyikan dengan menggunakan melodi lagu “Empat Dara” yang dipopularkan oleh pelakon Elly Mazlien dalam drama bersiri “Kampung People” terbitan sebuah stesen televisyen Malaysia. Murid bersemangat dan boleh menyanyikan semula lagu set induksi memandangkan mereka pernah mendengar melodi tersebut. Berikut merupakan petikan dialog yang menunjukkan aktiviti pendekatan didik hibur secara nyanyian yang berlaku pada set induksi:

“Baik, hari ini ada sesuatu yang sangat istimewa untuk kamu pelajari, iaitu berkaitan dengan simpulan bahasa. Haa, mari dengar lagu ini. Awak, awak dengar dulu. Lepas tu nanti ikut nyanyi sama-sama. Boleh?”

*Hari ini cikgu hendak mengajar
Hendak mengajar simpulan bahasa
Mari lihat mari pasang telinga
Barulah faham dan tak mudah lupa.*

(Pemerhatian 1/Pengajaran SB1)

Selain itu, pendekatan didik hibur secara nyanyian juga digunakan pada peringkat memberi penjelasan tentang isi pelajaran iaitu memperkenalkan bentuk simpulan bahasa dan maksud simpulan bahasa. Aktiviti nyanyian menggunakan lirik dan melodi yang sama berlaku pada keempat – empat sesi pengajaran yang telah dilaksanakan di bilik darjah. Berikut merupakan petikan dialog yang menunjukkan aktiviti pendekatan didik hibur secara nyanyian yang berlaku pada peringkat memberi penjelasan tentang isi pelajaran:

“Ok. Apa dia simpulan bahasa? Baik, mari kita lihat apa dia simpulan bahasa. Ok, dengar sahaja dulu eh.....lepas tu awak ulang.”

*Simpulan bahasa senang dikenal
Dua atau pun tiga perkataan
Ada maksudnya yang sangat berbeza
Mari bersama marilah belajar*

(Pemerhatian 1/ Pengajaran SB 1)

“Alhamdulillah. Aaaaa.....sekarang mari kita nyanyi dahulu. Eh?kita nyanyi lagu dahulu. Baik, awak dengar dahulu ya. Kemudian nyanyikan semula.”

*Simpulan bahasa senang dikenal
Dua atau pun tiga perkataan
Ada maksudnya yang sangat berbeza
Mari bersama marilah belajar*

(Pemerhatian 2 / Pengajaran SB 2)

“Ha....sekarang ok sebelum kita terus belajar aaa.....simpulan bahasa yang baru, mari kita nyanyi dahulu lagu simpulan bahasa. Ingat lagi tak rentaknya? Satu, dua, tiga nyanyi.”

*Simpulan bahasa senang dikenal
Dua atau pun tiga perkataan
Ada maksudnya yang sangat berbeza
Mari bersama marilah belajar*

(Pemerhatian 3 / Pengajaran SB 3)

“Alhamdulillah. Baik mari kita nyanyi sama – sama lagu bentuk simpulan bahasa. Sedia...nyanyi.....”

*Simpulan bahasa senang dikenal
Dua atau pun tiga perkataan
Ada maksudnya yang sangat berbeza
Mari bersama marilah belajar*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Lirik lagu dan melodi nyanyian yang berlaku sepanjang empat kali sesi pengajaran simpulan bahasa menggunakan lirik dan melodi yang sama. Responden tetap memulakan sesi pengajarannya di bilik darjah dengan lagu yang sama. Perkara ini dilihat untuk menguatkan ingatan murid terhadap bentuk simpulan bahasa. Responden telah menghasilkan iklim bilik darjah yang menyeronokkan memandangkan nyanyian boleh memberi motivasi untuk murid belajar. Lirik lagu yang digubah merupakan hasil cetusan idea responden sendiri. Murid diminta menyanyikan lagu bersama dengan responden supaya dapat mengingat bentuk simpulan bahasa. Seterusnya, terdapat sepuluh simpulan bahasa yang diajar kepada murid di bilik darjah ketika sesi pengajaran pertama dijalankan menggunakan aktiviti nyanyian. Berikut ialah sepuluh simpulan bahasa tersebut:

Jadual 2. Simpulan Bahasa pada Sesi Pengajaran Pertama

Simpulan bahasa sesi pengajaran pertama Tarikh : 20/1/2022 Masa : 8.30 – 9.30 pagi	Akal kancil
	Alim kucing
	Banyak lemak
	Banyak mulut
	Cakap besar
	Cangkul angin
	Darah daging
	Dua sejoli
	Ekor mata
	Gaji buta

Sepuluh simpulan bahasa pada sesi pengajaran pertama digubah menjadi lirik lagu dan dipersembahkan oleh responden dengan menggunakan melodi yang sama seperti memperkenalkan tajuk pelajaran iaitu “Empat Dara”. Murid diminta menyanyikan lirik lagu ini secara beramai – ramai. Proses ini berlaku diperingkat pertengahan pengajaran iaitu guru memberi penjelasan lebih lanjut tentang simpulan bahasa. Aktiviti ini mewujudkan sesi soal

jawab dan penjelasan tentang simpulan bahasa secara mendalam oleh responden selaku guru. Berikut merupakan lirik lagu yang digubah berdasarkan sepuluh simpulan bahasa:

Akal kancil orang yang licik tipu helahnya
Alim kucing orang yang pura-pura baik
Banyak lemak orang yang mengada-ngada
Banyak mulut suka bercakap atau berleter
Cakap besar kata yang membangga diri
Cangkul angin pekerjaan yang sia-sia
Darah daging anak kandung atau saudara
Dua sejoli sepasang kekasih
Ekor mata melihat dengan hujung mata
Gaji buta gaji tanpa kerja keras
Tajam akal pandai dan bijak berfikir
Halwa telinga sesuatu yang sedap didengar

(Pemerhatian 2 / Pengajaran SB 2)

Lirik lagu yang dicipta dimasukkan sekali makna simpulan bahasa tersebut. Keadaan ini bagi memudahkan murid meneka maksud simpulan bahasa tanpa perlu membuat carian menggunakan kamus atau peranti teknologi maklumat. Melalui aktiviti nyanyian, murid aktif menyanyi dan menyatakan maksud simpulan bahasa apabila sesi soal jawab dilaksanakan. Berikutnya, pada sesi pengajaran simpulan bahasa kali kedua, responden sekali lagi menjadikan nyanyian sebagai aktiviti pendekatan didik hibur. Pada sesi ini, responden menggunakan melodi lagu “Goreng Pisang” dan mencipta lirik berdasarkan sepuluh simpulan bahasa beserta maksud yang hendak diajar kepada murid. Sepuluh simpulan bahasa tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 3. Simpulan Bahasa pada Sesi Pengajaran Kedua

Simpulan bahasa sesi pengajaran kedua Tarikh : 27/1/2022 Masa : 8.30 – 9.30 pagi	Gatal mulut
	Gulung tikar
	Harga diri
	Hangat hati
	Ibu keladi
	Ibu susu
	Jaga mulut
	Jalan buntu
	Kaki ayam
	Kaki botol

Pada peringkat memberi penjelasan tentang sepuluh simpulan bahasa yang diajar, responden terlebih dahulu mengajak murid menjalani aktiviti permainan nyanyian secara berkumpulan untuk merangsang motivasi murid supaya fokus kepada sesi pengajaran.

“Kaki bangku, bagus. Haaa, semua kaki-kaki, kaki. Baik, sekarang ni kita buat aktiviti yang lebih menyeronokkan. Aaa, cikgu yakin kamu mesti suka. Baik,

aktiviti yang cikgu maksudkan ialah **permainan nyanyian kumpulan**. Pernah tak kamu dengar lagu aaa goreng pisang?"

(Pemerhatian 2 / Pengajaran SB 2)

Selepas menerima maklum balas murid yang positif, responden memberi penjelasan tatacara pelaksanaan aktiviti nyanyian secara berkumpulan yang akan dijalankan:

"Haaa, rentak dia... rentak dia macam ni. (Cikgu menyanyi) Goreng pisang, goreng pisang, goreng pisang sekarang. Lepas tu, kumpulan yang lagi satu ... Cikgu sambung dulu. Pisang apa, pisang apa, pisang apa sekarang. Kemudian, kumpulan dua nyanyi, pisang tanduk, pisang tanduk, pisang tanduk sekarang. Lepas tu, dia tanya, tanduk apa, tanduk apa, tanduk apa sekarang. Baik, sekarang ni kamu Cikgu bahagikan kepada dua kumpulan. Ok? Dua kumpulan yang tepi pintu ni, yang ini dan yang ini awak kumpulan satu. Faham? Aaa, maaf campur sekali dengan Faiz, dengan Khairulnisa ni, satu dua meja ni, kumpulan satu. Faiz, kumpulan? Satu. Manakala yang selebih di sini, awak kumpulan dua. Faham? Baik. Tetapi, erm ... ok. Sekarang ini, dengar dengan teliti cara permainan nyanyian ini dijalankan. Yang berikut ialah liriknya. Yang berikut ialah liriknya. Ok."

(Pemerhatian 2 / Pengajaran SB 2)

Setelah memberi penerangan dan membahagikan murid kepada dua kumpulan, responden memasang rakaman audio lirik lagu yang akan dinyanyikan. Sekali lagi, rakaman ini menggunakan suara asal responden. Murid menyanyi lagu "Goreng Pisang" dengan menggunakan sepuluh simpulan bahasa yang telah ditulis responden pada papan putih. Berikut merupakan sepuluh simpulan bahasa yang digubah menjadi lirik untuk aktiviti pendekatan didik hibur secara nyanyian:

Gatal mulut, gatal mulut, gatal mulut sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.
Gulung tikar, gulung tikar, gulung tikar sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.
Harga diri, harga diri, harga diri sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.
Hangat hati, hangat hati, hangat hati sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.
Ibu keladi, ibu keladi, ibu keladi sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.
Ibu susu, ibu susu, ibu susu sekarang.
Apa lagi, apa lagi, apa lagi silakan.

(Pemerhatian 2 / Pengajaran SB 2)

Murid telah memberikan kerjasama yang baik dalam aktiviti nyanyian yang dijalankan. Keadaan ini menunjukkan pendekatan didik hibur aktiviti nyanyian boleh diaplikasikan oleh guru untuk mengajar topik simpulan bahasa dan membantu murid menambah koleksi simpulan

bahasa dalam minda yang akan memperkukuhkan komunikasi harian mereka dengan bahasa yang indah lagi santun.

Aktiviti Lakonan

Aktiviti lakonan melibatkan ujaran lisan, tanpa ujaran lisan, pergerakan badan serta mimik muka. Responden menggunakan aktiviti lakonan untuk mengajar dan memberi penerangan tentang simpulan bahasa. Responden mengulang lagu tajuk pelajaran pada hari tersebut dengan lirik dan melodi yang sama seperti sesi pengajaran simpulan bahasa kali pertama dan kali kedua sebagai set induksi pengajaran. Murid mampu menyanyi dan mengingat lirik dengan baik kerana sudah mendengar lagu selama dua kali sesi pengajaran sebelum ini. Lirik lagu yang ringkas memudahkan daya ingatan murid untuk menyanyikannya semula. Pada peringkat kedua sesi pengajaran, murid diminta melakonkan watak dan mengujarkan dialog yang mengandungi beberapa simpulan bahasa:

“Baiklah. Untuk aktiviti hari ini, mari kita berlakon pula. Nak tak?”

(Pemerhatian 3 / Pengajaran SB 3)

Respondan meminta murid berlakon bagi meneruskan sesi pembelajaran simpulan bahasa. Pelaksanaan aktiviti ini adalah menggunakan bahan seni bahasa yang terdapat pada muka surat lima dalam buku teks bahasa Melayu tahun lima. Bahan lakonan ini bertajuk “Susah Senang Kita Bersama” yang mengandungi beberapa watak dan dialog yang perlu dijayakan oleh murid. Dialog yang perlu dilakonan murid mengandungi beberapa simpulan bahasa. Berikut merupakan dialog yang perlu dilakonan dan diujar murid berdasarkan bahan tersebut:

*Encik Azmi : Terima kasih, semua. Penduduk Taman Seri Damai mempunyai **hati emas**. Bantuan yang saya terima ini pantas macam kilat.*

Encik Teong : Sama – sama. Kita hidup bermasyarakat, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Rezeki yang kita ada, kita sumbangkan sedikit untuk golongan yang memerlukan. Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.

*Encik Ravin : Bertuah sungguh kita mempunyai pengerusi taman seperti Encik Nazri. Beliau seorang yang **cepat kaki**.*

(Pemerhatian 3 / Pengajaran SB 3/Bahan Seni Bahasa daripada buku teks)

Responden telah meminta murid melakonkan tiga watak dan mengujarkan dialog yang terdapat dalam bahan. Murid memberikan maklum balas positif dengan menyatakan persetujuan untuk hadir ke hadapan kelas dan melaksanakan aktiviti yang diarahkan. Ketiga – tiga dialog daripada buku teks dilakonan oleh tiga orang murid dengan baik setelah diberi bimbingan melalui satu rakaman audio untuk mengujar dialog dengan betul dari aspek sebutan, intonasi dan nada. Lakonan ini dikenali sebagai lakonan main peranan iaitu murid diberi watak daripada satu suasana, situasi, kejadian atau peristiwa yang dipetik berdasarkan novel, drama, filem, cerita atau situasi. Murid perlu menghayati watak sambil mengujarkan dialog dengan laras bahasa yang sesuai. Berikut merupakan enam simpulan bahasa yang diajar kepada murid pada sesi pengajaran ketiga:

Jadual 4. Simpulan Bahasa pada Sesi Pengajaran Ketiga

Simpulan bahasa sesi pengajaran ketiga	Susah hati Bulat kata Lapang dada Hati emas
Tarikh : 3/2/2022 Masa : 8.30 – 9.30 pagi	Cepat kaki Ringan tangan

Sebelum murid melakonkan watak dan mengujarkan dialog, responden terlebih dahulu memperdengarkan rakaman mengujar dialog watak melalui peti pembesar suara. Rakaman yang diperdengarkan bertujuan supaya murid dapat mengujar dialog watak dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Berikut merupakan ujaran dialog yang diperdengarkan kepada murid menggunakan bahan daripada buku teks bahasa Melayu tahun lima:

“Kamu usah susah hati. Rakan Taman Seri Damai telah bulat kata untuk membelikan Encik Azmi sebuah katil khas. Kita juga akan membiayai kos rawatan beliau. Segala kebajikan keluarga Encik Azmi yang bagai layang-layang terputus talinya akan disempurnakan oleh komuniti taman ini,” jelas Encik Nazri.

“Terima kasih ayah. Barulah lapang dada saya apabila mendengar kata-kata ayah. Saya dan kawan-kawan juga akan memberikan sokongan moral kepada Danish,” kata Afifi.

(Petikan dialog daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Lima)

Setelah memperdengarkan rakaman ujaran dialog, semua murid diarahkan supaya mengujarkan semula dialog dengan menggunakan nada dan intonasi yang telah mereka dengar melalui rakaman audio. Semua murid dapat mengujarkan dialog seperti yang dikehendaki responden. Mendengar dan mengujar semula dialog watak merupakan satu bentuk persediaan sebelum murid menjalankan aktiviti lakonan sebenar. Biarpun cara ini bukan teknik lakonan serta merta menggunakan dialog yang dicipta sendiri oleh murid namun, cara ini dilihat dapat memberi kemahiran kepada murid bagaimana lakonan yang mengandungi watak dan dialog dapat dilaksanakan. Melalui lakonan, responden dianggap membantu murid menjadi insan yang lebih berkeyakinan apabila berkomunikasi serta mengikis sifat malu apabila berada di khalayak orang ramai disamping menjaga tutur kata agar tidak menyinggung perasaan individu. Pada peringkat seterusnya, responden menggunakan dialog yang telah dilakonkan oleh murid dalam bahan untuk memberi penjelasan lanjut tentang simpulan bahasa yang dipelajari.

Aktiviti Puisi

Penelitian yang dilakukan terhadap transkripsi rakaman audio sesi pengajaran kali keempat menunjukkan responden menggunakan pantun dua kerat dan pantun empat kerat untuk mengajar simpulan bahasa. Terdapat enam simpulan bahasa lain yang diperkenalkan dan diajar kepada murid pada sesi pengajaran kali ini. Berikut merupakan enam simpulan bahasa tersebut:

Jadual 5. Simpulan Bahasa Pada Sesi Pengajaran Keempat

Simpulan bahasa sesi pengajaran Keempat	Hati terang Suka hati Matahari tinggi Paku belanda Rambang mata Serkap jarang
Tarikh : 10/2/2022 Masa : 8.30 – 9.30 pagi	

Pada peringkat kedua sesi pengajaran, responden meminta murid mendengar pantun yang akan dilafazkan. Proses ini bertujuan memperkenalkan murid dengan cara melafaz pantun yang betul dari segi intonasi dan nada. Kemudian murid diminta mengulang semula pantun yang telah didengari:

*“Baiklah. Hari ini aktiviti aaa..... untuk belajar simpulan bahasa ini, yang pertama sekali, baca **pantun**. Baik. Dengar cikgu baca **pantun** yang pertama ni. Lepas tu, baru kamu ulang ehh.”*

*Pagi petang siang malam,
Hati terang senang faham.*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Pantun yang digunakan sepanjang proses pengajaran ini terdiri daripada pantun dua kerat dan pantun empat kerat. Semua murid dapat melafazkan pantun kerana mereka pernah mempelajari pantun sejak dari darjah tiga dan menguasai kemahiran membaca. Berikut merupakan pantun dua kerat yang digunakan ketika proses pengajaran sebelum murid menyelesaikan latihan untuk memperkukuhkan penguasaan simpulan bahasa:

*“Baiklah, **pantun** yang kedua. Dengar ya. Kemudian awak ulang”*

*Gendang gendut tali kecap,
Kenyang perut **suka hati**.*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

“Ha.....gembira dah kenyang perut. Baik.....dengarkan pantun yang ketiga pula”

*Pokok tinggi buruk akar,
Matahari tinggi perut pun lapar.*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Setelah memperkenalkan bentuk simpulan bahasa dan memberi penjelasan maksud simpulan bahasa dengan menggunakan pantun dua kerat, responden memperkenalkan dan memberi penjelasan maksud simpulan bahasa berikutnya dengan menggunakan pantun empat kerat. Murid diarahkan untuk mengulang semula pantun empat kerat dan mengenal pasti simpulan bahasa yang terdapat dalam pantun tersebut. Kemudian, murid diminta ke hadapan kelas untuk menggariskan simpulan bahasa yang telah dikenal pasti. Responden menulis semua

pantun jenis dua kerat dan empat kerat yang mengandung simpulan bahasa pada papan putih kelas dengan tujuan mewujudkan pengajaran dan pembelajaran secara dua hala. Proses ini dapat mengelakkan murid menjadi pasif, tidak aktif dan hanya menerima isi pelajaran tanpa sebarang aktiviti dari sudut mental dan fizikal. Berikut merupakan dialog pantun empat kerat dan arahan aktiviti kepada murid:

*“Baik. Untuk mencari simpulan bahasa, lihat baris tiga dan baris empat pada **pantun** ini. Ok? Jangan lihat di sini. Sebabnya, lihat di baris tiga dan baris empat sebab di situ terdapatnya maksud pantun. Sebab, ini **pantun empat kerat**. Yang manakah **simpulan bahasa**? Aaaa.....Hakim. Datang depan dan gariskan.*

*Enak rasanya solok lada,
Nasi kerabu habis sepinggan,
Harga barang **paku belanda**,
Patutlah kedai kurang orang.*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Terdapat tiga pantun empat kerat yang mengandung simpulan bahasa diperkenal dan diajar kepada murid. Berikut merupakan simpulan bahasa kedua melalui pantun empat kerat yang diperkenalkan dan diajar kepada murid:

“Baiklah....er.....pantun yang seterusnya. Baca sama – sama. Satu, dua, mula.”

*Anak ayam anak itik,
Banyak sekali di rumah Salleh,
Sungguh banyak baju yang cantik,
Rambang mata hendak memilih.*

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Setelah murid melafazkan pantun empat kerat, seorang murid diminta hadir ke hadapan kelas untuk menggariskan simpulan bahasa yang telah dikenal pasti berdasarkan pantun tersebut:

“Yang mana satukah simpulan bahasa? Siapa yang belum? Aaaa.....Khairulnisa. Gariskan.”

(Pemerhatian 4 / Pengajaran SB 4)

Responden mengolah binaan pantun berdasarkan simpulan bahasa dan maksudnya. Kaedah ini membolehkan murid memperoleh maksud simpulan bahasa dan menyatakannya kepada rakan sekelas apabila disoal oleh guru. Aktiviti menggunakan pantun turut menjadikan murid aktif, berani mencuba dan cenderung menjawab soalan apabila diminta hadir ke hadapan dan menggariskan simpulan bahasa yang terdapat dalam pantun. Berikut merupakan dialog responden yang meminta murid mengecam simpulan bahasa ketiga pada pantun empat kerat. Murid juga diminta hadir ke hadapan kelas untuk menggariskan simpulan bahasa yang ditulis pada papan putih di bilik darjah. Melalui aktiviti pantun, murid tidak hanya semata-mata mempelajari simpulan bahasa dan mengetahui maksud simpulan bahasa tetapi turut

mempelajari cara melafaz pantun dengan betul serta memperoleh nilai murni yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Responden juga memberi nasihat kepada murid melalui maksud simpulan bahasa sebagai peringatan agar murid mengelakkan perlakuan yang tidak disukai oleh orang lain. Berikut merupakan dialog diujarkan oleh responden yang mengandungi nilai murni dan nasihat:

Cikgu : Bagus. Siapa boleh cuba, siapa boleh berikan simpulan bahasa yang terdapat pada pantun keenam ini? Baiklah Syafiqah, apa dia?

Syafiqah : Serkap jarang.

Cikgu : Serkap jarang. Bagus, pandai. Gariskan pada nota awak tu serkap jarang. Haa, gariskan pada nota yang kecil tu. Serkap jarang. Baik, siapa boleh beri maksud serkap jarang tersebut? Apakah maksud serkap jarang tersebut?

Murid : Tuduhan tanpa usul periksa.

Cikgu : Ya, pandai. Tuduhan tanpa usul periksa. Kita hanya bersangka – sangka saja. Kita tuduh orang tapi kita tak siasat lagi kita dah tuduh. Haa, jadi boleh ke kita serkap jarang?

Murid : Tak boleh.

Cikgu : Tak boleh. Sebab akan berlaku pergaduhan. Orang yang kena tuduh tu dia akan marah kepada kawan yang serkap jarang, kan? Mesti dia marah, takkanlah dia tak buat tapi dituduh buat sesuatu kesalahan Contohnya, macam mencuri ke. Ya, jadi janganlah serkap jarang.

*Dialog mengandungi nilai murni berdasarkan simpulan bahasa dalam pantun diajar

Secara keseluruhannya, pendekatan didik hibur secara aktiviti berpuisi berdasarkan pantun dilaksanakan pada peringkat awal sesi pengajaran. Murid perlu melafazkan pantun dan menyatakan simpulan bahasa yang terdapat dalam pantun. Pantun yang dicipta responden disertakan sekali dengan maknanya. Walaupun aktiviti tersebut tidak memerlukan murid mencari maksud simpulan bahasa berdasarkan kamus atau menggunakan laman sesawang, satu bentuk rangsangan minda telah berlaku, iaitu dengan menyertakan bayangan maksud pada pantun sudah membantu murid untuk meneka dan menyatakan maksud sebenar simpulan bahasa. Melalui aktiviti tersebut, elemen KBAT dapat diimplementasikan iaitu murid berjaya mengaplikasikan daya fikir untuk menjawab soalan yang diajukan kepadanya.

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Terdapat tiga aktiviti pendekatan didik hibur yang terdiri daripada nyanyian, lakonan dan puisi menjadi pilihan responden untuk mengajar simpulan bahasa. Melalui aktiviti nyanyian, guru memancing emosi murid dengan permulaan menarik, iaitu menyanyi bersama-sama lagu set induksi. Melodi lagu yang digunakan pula sudah diketahui murid ekoran siri drama “Kampung People” yang disiarkan di Stesen TV3. Begitu juga melodi lagu “Goreng Pisang” yang digubah liriknya menggunakan simpulan bahasa. Pengetahuan sedia ada murid tentang dua melodi lagu ini memudahkan murid menyanyi dengan bimbingan guru. Penggunaan irama dan rentak sebagai iringan dalam proses pengajaran di bilik darjah merupakan kaedah yang berkesan untuk menguatkan ingatan murid disamping meningkatkan kesediaan untuk belajar (Rosli dan Omar, 2013). Penjelasan guru tentang bentuk dan maksud simpulan bahasa juga menjadi mudah kerana lirik lagu yang digubah mengandungi maksud yang tepat untuk simpulan bahasa yang diajar. Murid juga tidak perlu membuat carian dalam tempoh masa yang lama mempelajari bentuk dan memahami maksud simpulan bahasa.

Aktiviti kedua yang menjadi pilihan responden untuk mengajar simpulan bahasa ialah aktiviti lakonan. Walaupun lakonan yang dilakukan itu hanyalah teknik main peranan, namun telah murid memberikan kerjasama dan berani tampil untuk melakonkan dan mengujarkan dialog yang terdapat dalam buku teks. Ketika pelaksanaan aktiviti lakonan, guru boleh mengesan kemahiran lisan dan kemahiran berfikir yang ada dalam diri murid. Kemahiran lisan yang baik akan menghasilkan murid yang mampu bertutur secara fasih. Penguasaan kosa kata yang pelbagai dan kemampuan memahami setiap yang dituturkan menjadikan pengucapan murid lebih gramatis, indah dan menarik untuk didengar. Menurut Goh Yin Soon dan Azman Che Mat (2010), hanya murid yang mempunyai pelbagai dan cukup kosa kata bertindak menggunakan kosa kata tersebut dalam pengucapannya. Manakala, dialog yang diujarkan murid membantu guru memperbaiki aspek fonetik dan fonologi murid dalam menyebut kosa kata secara betul.

Pendekatan didik hibur ketiga yang ditemui dalam kajian ini ialah aktiviti puisi jenis pantun. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Norhayati Marzuki (2005), guru perlu merancang untuk menentukan pemilihan bahan pengajaran yang sesuai dalam usaha mewujudkan suasana kondusif serta dapat menarik minat murid untuk belajar. Responden menggunakan pantun pada peringkat set induksi pengajaran dan peringkat memberi penjelasan tentang simpulan bahasa. Murid dilihat berjaya meneka maksud sebenar simpulan bahasa lantaran pantun yang digubah disertakan maksud. Sekali lagi murid tidak berasa tertekan dalam melakukan pencarian maksud tepat tentang simpulan bahasa. Menurut Roth (2015) dalam Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel (2016), otak individu akan dapat menguasai lebih banyak maklumat jika individu tersebut tidak berada dalam keadaan tekanan atau stres atau perasaan takut.

Ternyata pendekatan didik hibur membantu guru mencapai objektif pengajaran yang diharapkan. Pembentukan komunikasi dua hala turut tercipta apabila murid melaksanakan aktiviti yang memerlukan mereka berinteraksi sama ada kepada guru mahupun rakan sekelas. Namun, usaha guru membentuk komunikasi dan kesepakatan murid bekerjasama dalam setiap aktiviti yang dirancang kurang berjaya kerana terdapat murid yang tidak terlibat secara aktif pada setiap aktiviti yang dijalankan. Oleh itu, galakan murid terlibat secara aktif perlu diutamakan supaya motivasi dan komitmen murid dalam mempelajari topik pelajaran boleh terbentuk (Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017).

Menurut Nor Hafidah Hanapiah dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2023), walaupun pelaksanaan didik hibur mempunyai dengan cabaran seperti kekurangan latihan profesional, kekangan masa dan kekangan penyediaan bahan bantu mengajar yang dialami oleh guru, namun guru tetap perlu memainkan peranan penting dalam memupuk budaya pembelajaran yang menarik, selamat dan mesra bilik darjah. Tanpa guru, proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi tidak efektif. Tambahan pula, guru merupakan contoh yang dapat dijadikan suri teladan oleh murid-muridnya. Seorang guru bukan hanya perlu mempunyai penguasaan pedagogi yang mantap, malah memiliki kemahiran pengajaran yang menarik dan kreatif untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid.

Implikasi Kajian

Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk guru memperbaiki kelemahan mengaplikasikan pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa di bilik darjah. Guru wajar memperbaiki kelemahan diri dengan mengambil inisiatif untuk mengatasi setiap cabaran yang berlaku ketika pendekatan didik hibur dilaksanakan. Sebagai contoh, guru perlu memperbaiki kelemahan penguasaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi untuk

menjayakan pengajaran menggunakan aktiviti didik hibur di bilik darjah. Gandingan penggunaan peralatan dan bahan bantu mengajar berasaskan TMK memudahkan penyampaian isi pelajaran kepada murid. Tambahan pula, murid pada zaman ini telah terdedah dengan penggunaan teknologi seperti komputer dan telefon pintar yang mengandungi pelbagai aplikasi pembelajaran secara maya.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga boleh membangunkan modul pendekatan didik hibur untuk pengajaran simpulan bahasa yang akan digunakan di semua sekolah bagi merapatkan jurang pengajaran dan pembelajaran antara sekolah bandar dan luar bandar. Hal ini kerana terdapat perbezaan pengetahuan dan kemahiran antara murid sekolah bandar dan luar bandar. Bimbingan secara berkala tentang pendekatan didik hibur akan menghasilkan sesi pengajaran yang menarik dan menyeronokkan di bilik darjah. Maka, pembinaan modul pengajaran sebegini akan membantu kesamarataan hak terhadap guru untuk mengajar dan murid untuk belajar.

Kajian ini juga memberi nilai tambah kepada nilai khazanah peradaban Melayu. Simpulan bahasa sudah jarang digunakan oleh anggota masyarakat dalam perbualan seharian. Simpulan bahasa turut dipandang remeh oleh masyarakat (Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah dan Mary Fatimah Subet, 2021). Oleh itu, pendedahan terhadap simpulan bahasa kepada murid merupakan langkah terbaik untuk mengekalkan khazanah bahasa pada masyarakat hari ini. Oleh demikian, nilai akal dan budi yang dihasilkan masyarakat terdahulu dapat terus dilestarikan untuk mencipta bangsa yang berakhlak mulia serta menjaga adab dalam komunikasi yang tidak menyinggung perasaan orang lain.

Kesimpulan

Guru yang cakna terhadap dirinya dan muridnya pasti melakukan persediaan yang teliti agar anak didiknya berjaya menguasai pelajaran. Penjenamaan semula pendekatan didik hibur menandakan keterbukaan dunia pendidikan yang bukan hanya berpaksikan kapur dan papan tulis untuk melahirkan insan yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Harapan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sesuai dengan jiwa dan kehendak generasi zaman teknologi ini memerlukan banyak usaha, kesediaan guru untuk melakukan perubahan dan penyediaan prasarana pendidikan yang lengkap bagi memastikan generasi sedia ada kini dan generasi akan datang kekal memiliki pelbagai ilmu pengetahuan yang akan dihormati diseluruh dunia.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Dr. Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli selaku pensyarah penyelia pengajian peringkat Sarjana, dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang penyelidikan dijalankan.

Rujukan

- Abdul Hadi Bakar & Zamree Mustapha. (2020). Penggunaan aplikasi Kahoot dalam meningkatkan pembelajaran peribahasa. *Seminar Bahasa Melayu 2020*, 278- 288.
- Abdul Rasid Jamian & Norhayat Marzuki (2005). persepsi guru terhadap penggunaan teknik permainan dan simulasi. *Prosiding Seminar Pendidikan: Pendidikan untuk Pembangunan Lestari*. Tanjung Malim. 28-30 Ogos.
- Ainun Rahmah Ibrahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad 2017. Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian

- bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 7(2), 77-88.
- Arni Johan (2012). Pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*, 62–78. Diakses dari <https://www.coursehero.com/file/62145739/MLCS-Final-65-81pdf/>.
- Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman dan Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2021). Proses pembentukan makna simpulan bahasa “kepala angin” menggunakan prinsip metafora integrasi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Volume 21(2), 86-110.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2 (2). 9-21.
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel. (2016). *Siri Pendidikan Guru: Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku Edisi Kedua*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah kebangsaan. *Mahawangsa* 4(2), 345-360.
- Indrawati dan Wanwan Setiawan. (2009). *Pembelajaran Aktif, Kreatif, Efektif dan Menyeronokkan untuk Guru SD*. Bandung: PPPPTK IPA.
- Jahidih Saili. (2015). Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran tajwid Al-Quran dalam kalangan guru di Lembah Klang. *Tesis Sarjana*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Junaidah Jamaluddin, Norlaila Mohd Din, Mohamad Azmi Nias Ahmad, Faizan Abdul Jabar, Nur Syazwani Mohamad Fadzillah dan Zuhariah Husin. (2016). Keberkesanan kaedah permainan dalam pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan di sekolah menengah. *KONAKA: Konferensi Akademik 2016 Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam*, 30 November 2016, UiTM PAHANG. 2016.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khor Huan Chin & Noraini Mohamed Noh. (2016). Keberkesanan penggunaan papan putih interaktif dalam pembelajaran bahasa Malaysia dalam kalangan murid tahun 3. *JPBU Edisi Khas 2016*, 11-17.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2018). Melestarikan peribahasa sebagai warisan bangsa melalui pendekatan alternatif dalam pendidikan bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke – 10 (SALPBM X) 2018*, 88-96.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli. (2020). Penggunaan didik hibur dalam Pendidikan Islam sekolah kebangsaan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Vol. 4, No. 2, 1-16.
- Muhammad Aiman Syazwan Ahmadi et al. (2024). Tahap, pengetahuan, kemahiran dan sikap bakal guru Bahasa Melayu terhadap aplikasi Kahoot, Quizizz, dan Padlet dalam Pengajaran Komsas. *PENDETA*, 15(2), 65–78. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.5.2024>
- Norfishah Mat Rabi. (2020). *Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Nor Hafidah Hanapiah dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2023). Cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *LSP International Journal*, Vol. 10, Issue 2, 61–78. <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.20238>
- Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin, Siti Nur Kamariah Rubani dan Tamil Selvan Subramaniam. (2018). *Penggunaan Kaedah Nyanyian dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi*. Diakses dari <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4812/2888>.
- Norlizah Ali & Norliza Sukri. (2020). Penggunaan portal SLS dalam meningkatkan keseronokan dan pembelajaran peribahasa. *Seminar Bahasa Melayu 2020*, 390-396.
- Rosli, M.F. & B. Omar. (2013). Penggunaan teknik nyanyian dan mnemonik (ndm) dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama ‘dari’ murid tahun tiga. *Penyelidikan Tindakan PISMP 2013*, 2(7).
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan kefahaman skop pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training (InjET)*, 2(2), 1-9.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah dan Mary Fatimah Subet. (2021). Imej perlambangan “tangan” dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, Vol.4(1), 108- 131.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Akademika* 86(2), 31-42.
- Syairah Nur ‘Amirah’ Zaid & Muhammad Asyraf Khalid. (2021). Proses pembelajaran aktif dalam permainan escape room untuk meningkatkan penguasaan peribahasa. *Seminar Bahasa Melayu 2021*, 565-583.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 11(3), 31-51.
- Zanariah Abdol (2016). *Peribahasa Watafa, Wajib Tahu dan Faham*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Zanariah Wahab & Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pendekatan didik hibur. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII*.